

**Harga Minyak Mencetus Kebiasaan Baharu dalam Persekitaran
Ekonomi Global dan Keupayaan Malaysia Menanganinya.**

*Prof Emeritus Dr Zakariah Abdul Rashid
Pengarah Eksekutif, MIER*

Keruntuhan harga minyak mentah dunia telah mencetus impak yang besar kepada ekonomi dunia. Ia juga telah mengakibatkan kemerosotan yang hebat dalamimbangan dagangan Malaysia dan dalam kadar tukaran hampir kesemua mata wang dunia. Walaupun ini fenomena global namun ia menguji ketahanan struktur ekonomi Malaysia di samping menyerlahkan segala kelemahannya. Paling ketara, ia telah menggugatimbangan dagangan dan rezab antarabangsa dalamimbangan pembayaran negara. Bagaimana ia berlaku dan adakah kita dapat menangani ledakan ini, akan kita kupas dalam rencana ini. Minyak dan gas asli merupakan sejenis galian yang sangat dikehendaki untuk mengeluarkan produk berasaskan petrolem dan petrokimia. Tenaga elektrik juga dijana dengan menggunakan sumber galian ini. Sebagai sumber hulan, minyak mempunyai nilai komersial yang tinggi.

Ekonomi Malaysia agak kuat bergantung kepada minyak dan gas. Komoditi ini menyumbang lebih kurang 15 peratus kepada hasil eksport dan 30 peratus kepada hasil kerajaan persekutuan. Komoditi ini terdiri daripada dua kategori utama yakni barangan petrolem bertapis yang merupakan keluaran hiliran dan minyak mentah sebagai keluaran hulan. Lebih kurang seperempat daripada nilai minyak dan gas yang dieksport adalah dalam bentuk minyak mentah sedang selebihnya barang petrolem bertapis. Malaysia merupakan pengeksport bersih minyak mentah dan sebaliknya menjadi pengimport bersih barangan petrolem.

Trend kejatuhan harga komoditi terutama minyak mentah dan kemerosotan kadar tukaran mata wang negara-negara pengeksport komoditi bergerak seiring semenjak Ogos 2014. Barangan petrolem bertapis yang dikeluarkan banyak digunakan oleh industri tempatan sedang bagi minyak mentah dan gas asli pula untuk eksport. Barangan petrolem bertapis yang dikeluarkan juga mempunyai nisbah nilai-tambah yang kecil berbanding dengan minyak mentah dan gas asli. Memahami struktur

pasaran dan struktur pengeluaran sedemikian adalah penting untuk memahami dengan lebih jelas bagaimana perubahan harga minyak mentah memberi impak kepada ekonomi negara.

Perdagangan minyak mentah didenominasikan dalam dolar Amerika. Ini bermakna, ketika harga minyak tinggi, lebih banyak dolar Amerika diperlukan untuk membelinya dan lebih banyak dolar Amerika dijana sebagai hasil eksport untuk kuantiti minyak yang sama.

Keadaan ini turut mempengaruhi harga komoditi lain seperti logam emas, yakni lebih banyak dolar Amerika diperlukan untuk mendapatkan kuantiti emas yang sama ketika harga minyak naik. Pada umumnya, semua komoditi akan mengalami keadaan yang sama seperti yang berlaku pada logam emas. Maka, pada lazimnya ketika harga minyak naik, harga komoditi utama akan turut sama naik, yakni, lebih banyak dolar Amerika diperlukan untuk mendapatkan kuantiti yang sama, dan sebaliknya jika harga minyak jatuh. Atau dengan kata lain, ketika harga minyak tinggi nilai dolar Amerika rendah, dan begitulah sebaliknya ketika harga minyak rendah.

Oleh kerana dolar Amerika menjadi asas untuk mengukur mata wang lain, ketika dolar Amerika tinggi nilai mata wang lain menjadi rendah, dan begitulah sebaliknya ketika dolar Amerika rendah. Jadi, ketika harga minyak tinggi, kadar tukaran dolar Amerika menyusut berbanding dengan mata wang lain, dan sebaliknya berlaku ketika harga minyak rendah. Kesimpulannya, Harga minyak boleh dianggap sebagai pencetus awal kepada kewujudan kebiasaan baharu dalam ekonomi global. Walaupun begitu, hubungan sedemikian hanyalah sesuatu yang umum kerana di samping harga minyak, harga komoditi bukan minyak dan kadar tukaran mata wang juga turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, meliputi faktor ekonomi dan faktor bukan ekonomi. Ini menjadikan hubungannya tidak linear antara satu komoditi dengan komoditi dan antara satu mata wang dengan satu mata wang yang lain.

Justeru, minyak juga merupakan komoditi istimewa sebagai aset penyimpan nilai. Corak pemegangan aset banyak tergantung ke atas harga relatif aset. Ketika harga komoditi ini tinggi, pemegangan dolar Amerika menjadi tidak menarik lantas kadar tukaran asing mata wang tersebut rendah; dan begitu juga sebaliknya berlaku seperti pada masa kini. Di samping itu, dolar Amerika juga merupakan mata wang rezab dunia, yang dengannya nilai semua mata wang lain dipadankan. Pada umumnya, Kekukuhan dolar Amerika adalah kelemahan mata wang lain, dan begitulah juga sebaliknya.

Keruntuhan harga minyak mentah mencetus impak secara terus melalui kejatuhan hasil eksport minyak dan gas. Dengan kejatuhan harga yang besar ini, telaga minyak negara mengeluarkan nilai output minyak mentah yang semakin rendah walaupun kuantitinya tidak berubah. Atau, jika ingin menjaga agar nilai output yang tinggi, kita terpaksa meningkatkan kuantiti pengeluaran bergantung kepada dasar yang diambil.

Perubahan harga minyak juga mempunyai impak ke atas pertumbuhan KDNK dan variabel makroekonomi yang lain tergantung kepada bagaimana komoditi ini terkait secara teknikal dalam keseluruhan struktur ekonomi negara. Perlu difahami bahawa sektor minyak dan gas merupakan antara beberapa sektor yang menjana nilai-tambah yang tertinggi bagi setiap unit output yang dikeluarkan, begitu juga dalam kadar keuntungan tetapi tidak dalam upah pekerja. Ini bermakna, kemerosotan hasil eksport minyak mentah disebabkan oleh kejatuhan harganya akan memberi impak negatif yang besar berbanding dengan jika kejatuhan harga itu terjadi kepada komoditi lain. Impak negatif ini bermula kepada imbalan pembayaran dan seterusnya menjangkiti variabel makroekonomi yang lain.

Lebih dagangan yang berterusan dalam tempoh yang agak lama melegakan ekonomi negara. Namun trend menurun lebih tersebut dalam masa kebelakangan ini amat membimbangkan. Penurunan ini sedikit sebanyak memberi tekanan ke atas akaun semasa imbalan pembayaran. Perkara yang perlu diberi perhatian ialah pergerakan dalam aliran nilai dan aliran kuantiti perdagangan minyak petroleum mentah dan

barangan petroleum ekoran daripada kejatuhan besar-besaran harga minyak mentah dunia.

Malaysia biasanya mempunyai lebihan dalam perdagangan minyak petroleum mentah tetapi defisit dalam perdagangan barang petroleum. Digabungkan kedua-dua komoditi ini, imbangan dagangannya sering merekodkan lebihan. Tetapi kebelakangan ini akaun tersebut merekodkan defisit bahana kejatuhan harga minyak. Sejak Januari 2014, nilai eksport petroleum mentah dan barangan petroleum menurun walaupun kuantiti eksport minyak mentah meningkat dan kuantiti barangan petroleum kekal tidak berubah.

Kehebatan tekanan kejatuhan harga minyak terbukti dalam data perdagangan yang menunjukkan peningkatan kuantiti namun tidak mampu menyekat kemerosotan nilai eksport minyak petroleum dan barangan petroleum. Harga minyak dunia merupakan faktor penting untuk mengekalkan lebihan dalam imbangan dagangan dan seterusnya juga dalam akaun semasa imbangan pembayaran. Ini menandakan Malaysia tidak berdaya menangani kesan negatif kejatuhan harga minyak dunia. Tekanan dalam akaun semasa menjadi bertambah kuat oleh aliran keluar bersih pendapatan faktor prima yang disumbangkan sebahagian besar oleh penghantaran wang keluar oleh pekerja asing yang sangat ramai tetapi mereka kelihatan kurang produktif.

Jadi, perubahan harga minyak mentah mempengaruhi kadar tukaran dolar Amerika dan seterusnya ke atas kadar tukaran lain-lain mata wang dunia, termasuk ringgit. Nilai rezab ditentukan oleh aliran dagangan sebenar yang kini turut mengalami kemerosotan secara langsung atau tidak di pengaruhi oleh kejatuhan harga minyak. Oleh kerana rezab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia didenominasikan dalam dolar Amerika, peningkatan kadar tukaran dolar Amerika berbanding ringgit mengakibatkan kejatuhan nilai rezab. Ini bermakna, rezab tidak boleh dipulihkan kecuali dengan pemulihan dalam lebihan dagangan dan kadar tukaran ringgit, yang kedua-duanya agak sukar terjadi kecuali harga minyak mentah dunia pulih, yang tidak mungkin berlaku buat masa terdekat.

Namun demikian, tekanan kepada ekonomi Malaysia bahawa kejatuhan harga minyak dan kemerosotan kadar tukaran ringgit telah, alhamdulillah, sedikit sebanyak dapat di tampan oleh langkah-langkah pembaharuan strategik yang kita sedang ambil dalam Model Baharu Ekonomi. Inisiatif ini perlu diteruskan kerana masih terlalu banyak kelemahan struktur terdapat dalam ekonomi kita yang menimbulkan pelbagai kepincangan strata, wilayah dan produktiviti serta struktur pengeluaran. Fenomena global ini sekadar menyerlahkannya.